

**STRES DALAM KALANGAN GURU SJK (C)
DI KOTA KINABALU**



CHAI MING CHAN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

STRES DALAM KALANGAN GURU SJK (C) DI KOTA KINABALU

CHAI MING CHAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

04 JULAI 2009

A handwritten signature in black ink, reading "Chai Ming Chan".

Chai Ming Chan
PT20078146

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : Chai Ming Chan
NO. MATRIK : PT20078146
TAJUK : Stres Dalam Kalangan Guru SJK (C) Di Kota Kinabalu
IJAZAH : Sarjana Pendidikan
(Pengurusan Pendidikan)
TARIKH VIVA : 04 JULAI 2009

TELAH DISAHKAN OLEH

PENYELIA

Prof. Madya Dr. Na'imah Yusoff




Tandatangan

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Na'imah Yusoff yang sedia membantu dan membimbing baik di dalam mahu pun di luar waktu kuliah. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu dalam proses menyempurnakan Projek ini. Tanpa kerjasama dan bantuan yang sepenuhnya diberikan, adalah mustahil kajian ini dapat disempurnakan.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, atas kesudian mereka memberi kebenaran kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu di sepanjang tempoh pengajian ini, serta rakan-rakan yang telah memberi kerjasama dan penuh pengertian.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada ibu bapa dan keluarga tercinta atas segala pengorbanan, pengertian, sokongan dan dorongan yang diberikan terutama di sepanjang laluan program ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua pengetua dan guru-guru SJK (C) di sekitar bandaraya Kota Kinabalu yang telah meluangkan masa untuk memberi respon kepada soal selidik yang dikemukakan.

Akhir kata, penyelidik berharap projek ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. Sekian.

ABSTRAK

Kajian stres di tempat kerja ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti punca utama dan tahap stres dalam kalangan guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Terdapat empat faktor stres di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK(C) yang dikaji, iaitu termasuklah faktor murid, beban tugas, kekangan masa dan sumber, serta suasana sekolah. Seramai 200 orang guru SJK (C) telah dipilih secara rawak untuk dilibatkan dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah *Teacher Stress Inventory* yang dibentuk oleh Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni (1995). Analisis data dilakukan secara deskriptif dan inferensi. Bagi tujuan inferensi, Ujian-T dan ANOVA Satu-Hala telah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap stres kerja dalam kalangan guru adalah sederhana secara keseluruhan. Faktor beban tugas merupakan faktor utama stres guru, diikuti oleh faktor kekangan masa dan sumber, faktor murid dan juga faktor suasana sekolah. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan stres kerja yang signifikan dalam kalangan guru mengikut jantina. Manakala, stres kerja dibuktikan mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut umur dan pengalaman mengajar.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

STRESS OF TEACHERS AT CHINESE PRIMARY SCHOOLS IN KOTA KINABALU

The purpose of this study was to investigate the main factor of stress and also the level of stress at workplace among the teachers teaching at Chinese Primary School in Kota Kinabalu, Sabah. There were four sources of stress identified in this study, which were pupils' factor, teachers' workload, time and resource constraint, and finally the school culture. A total of 200 teachers (n=200) from ten Chinese Primary School were chosen randomly to represent the research population. The research instrument used in this study was adapted from the Teacher Stress Inventory constructed by Boyle, Borg, Falzon and Baglioni (1995). The data was analyzed using both descriptive (mean, frequency, and percentage) and inferential statistical analysis (Independent t-Test and One-Way ANOVA). The result indicated that the overall stress level of respoden was at moderate level. Among the four factors of stress, teachers' workload was the strongest determinant of stress of teachers with a mean of 3.55. Other factors recorded were time and resources constraint (mean=3.17), pupils' factor at (mean=2.96), and school culture (mean=2.87).The results indicated that there was no significant difference of work stress based on gender. However, stress was shown to have significant difference according to age and teaching experience.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	2
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Soalan Kajian	4
1.6	Hipotesis Kajian	5
1.7	Batasan Kajian	5

1.8	Definisi Operasional	5
1.8.1	Stres	6
1.8.2	Guru	6
1.8.3	Faktor Stres Kerja Guru	6
1.8.3.a	Faktor Murid	6
1.8.3.b	Beban Tugas	7
1.8.3.c	Kekangan Masa dan Sumber	7
1.8.3.d	Suasana Sekolah	7
1.8.4	Faktor Demografi	7
1.9	Kepentingan Kajian	8
1.10	Rumusan	9
 BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	10
2.2	Stres dan Punca Stres	10
2.3	Model Stres Guru	15
2.4	Stres Guru	17
2.5	Kajian Stres Terhadap Guru	18
2.5.1	Kajian Faktor Stres Kepada Guru	18
2.5.1.a	Faktor Murid	18
2.5.1.b	Beban Tugas	19
2.5.1.c	Kekangan Masa Dan Sumber	20
2.5.1.d	Suasana Sekolah	21
2.5.2	Kajian Lepas Tentang Tahap Stres Guru	22

2.5.3	Kajian Lepas Perbezaan Stres Guru Mengikut Faktor Demografi	24
2.5.3.a	Jantina	24
2.5.3.b	Umur	25
2.5.3.c	Pengalaman Mengajar	26
2.6	Kerangka Konseptual	26
2.7	Rumusan	28

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Populasi Kajian	30
3.4	Instrumen Kajian	30
3.4.1	Latar Belakang Respoden	31
3.4.2	Alat Ukur Stres Guru	31
3.5	Kajian Rintis	32
3.6	Prosedur Kajian	32
3.7	Tempat Kajian	33
3.8	Penganalisaan Data	33
3.8.1	Statistik Deskriptif	34
3.8.2	Statistik Inferensi	34
3.9	Rumusan	35

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	36
4.2	Huraian Latar Belakang Responden	37
4.3	Faktor Utama Stres	40
4.3.1	Faktor Murid	40
4.3.2	Faktor Beban Tugas	43
4.3.3	Faktor Kekangan Masa dan Sumber	45
4.3.4	Faktor Suasana Sekolah	46
4.3.5	Tahap Stres	49
4.4	Perbezaan Stres Guru	52
4.4.1	Stres Guru Mengikut Jantina	52
4.4.2	Stres Guru Mengikut Umur	53
4.4.3	Stres Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	56
4.5	Ringkasan Keseluruhan Analisis Data Soalan Kajian	59

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	61
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	60
5.2.1	Latar Belakang Responden	61
5.2.2	Faktor Stres Guru	61
a.	Faktor Murid	61
b.	Beban Tugas	63
c.	Kekangan Masa Dan Sumber	65
d.	Suasana Sekolah	66

5.2.3 Tahap Stres Guru	68
5.2.4 Perbezaan Stres Guru Mengikut Faktor Demografi	69
a. Jantina	69
b. Umur	70
c. Pengalaman Mengajar	71
5.3 Rumusan	72
5.4 Cadangan	72
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	76
5.6 Penutup	77

BIBLIOGRAFI

Lampiran



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

RM : Ringgit Malaysia

SJK (C) : Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

SPSS : Statistical Package Social Science

S.P : Sisihan Piawai



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
2.1	Punca Stres di Tempat Kerja dan Kesan Terhadap Individu	14
2.2	Model Stres Guru	16
2.3	Kerangka Konseptual	27



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Skala Likert Lima Markah	31
3.2	Perincian Item Soal Selidik (Bahagian B)	32
3.3	Pengkelasan Tahap Stres Kerja Berdasarkan Skor Min	34
3.4	Skala Pengukuran Hipotesis Kajian	35
4.1	Taburan Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Jantina	37
4.2	Taburan Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Umur	38
4.3	Taburan Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	39
4.4	Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Murid	41
4.5	Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Beban Tugas	43
4.6	Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Kekangan Masa dan Sumber	45
4.7	Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Suasana Sekolah	47
4.8	Tahap Stres Kerja Mengikut Min Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Faktor Stres	48
4.9	Pengkelasan Tahap Stres Kerja Berdasarkan Skor Min	49
4.10	Tahap Stres Kerja Taburan Bagi Setiap Faktor Stres Kerja	50
4.11	Tahap Stres Kerja Mengikut Min Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Faktor Stres	51
4.12	Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Stres Kerja Mengikut Jantina	52
4.13	Keputusan ANOVA Satu- Hala Bagi Perbezaan Min Stres Kerja Mengikut Umur	53

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
4.14	Perbezaan Tahap Stres Mengikut Umur	54
4.15	Perbezaan Berganda Stres Guru Mengikut Umur	55
4.16	Keputusan ANOVA Satu Hala Bagi Perbezaan Min Stres Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	56
4.17	Perbezaan Stres Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	57
4.18	Perbezaan Berganda Stres Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	58
4.19	Ringkasan Keseluruhan Analisis Data Soalan Kajian	59



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam arus modenisasi dan globalisasi, peranan guru dan tanggungjawab guru turut menjadi lebih berat dan mencabar. Guru diharapkan dapat mendidik murid dengan menyemaikan dan mengasah bakat agar lahir satu generasi masa depan yang dapat memenuhi matlamat negara. Berdasarkan permintaan yang tinggi tersebut, guru terpaksa membayar harganya yang wujud dalam bentuk bebanan terhadap pelaksanaan dan menghadapi permasalahan sampingannya.

Dalam usaha untuk memenuhi tuntutan system pendidikan yang kian berkembang, guru diminta berusaha sendiri untuk memperbaiki serta meningkatkan lagi mutu profesion mereka. Guru perlu menunjukkan minat ke arah memajukan sistem pendidikan negara tanpa mengharapakan tambahan tenaga, kewangan dan kemudahan dari kerajaan. Guru juga diminta agar lebih komited lagi dalam menjalankan tugas mereka. Ini membuatkan tugas guru lebih mencabar kerana guru terpaksa bekerja kuat untuk memikul berbagai tanggungjawab.

Sebelum ini, ada yang mempertikaikan bahawa cuti guru agak panjang dan menyifatkan guru golongan kakitangan bertuah. Namun ini disangkal oleh ramai guru yang mendedahkan walaupun kelihatan guru bekerja separuh hari, tetapi sebenarnya mereka bekerja hampir sepanjang hari. Bezanya, semua kerja itu dibuat di rumah pada waktu siang dan malam atau mereka akan ke sekolah lebih awal untuk meneliti lebih 100 buku atau tugas bergantung jumlah pelajar dalam sesebuah kelas iaitu minimum 37 pelajar untuk satu kelas dan lima kelas diajar setiap hari.

Tugas pengajaran memerlukan guru berusaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan banyak lagi tugas-tugas khas lain yang terpaksa dibuat. Di samping itu, mereka juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum, kerja-kerja perkeranian, menghadiri mesyuarat, kursus, dan membuat persediaan mengajar. Guru juga terpaksa berhadapan dengan murid, pengetua dan pegawai pendidikan daerah yang kerap mengadakan lawatan dan menyelia kerja guru (Mokhtar Ahmad, 1998). Memandangkan tuntutan yang pelbagai dan berat ini, adalah tidak hairan bahawa banyak kajian telah membuktikan mengajar merupakan salah satu profesion yang sangat mencabar di mana satu pertiga daripada mereka mendapati mengajar sebagai satu pekerjaan yang sangat tinggi tahap stresnya.

1.2 Penyataan Masalah

Stres kerja ialah satu fenomena yang kini begitu meluas dalam semua profesion, termasuk profesion perguruan. Guru sering meluahkan rasa ketidakpuasan, kekecewaan dan stres kerja. Guru sering terdedah kepada elemen-elemen yang mengakibatkan stres .

Pengarah Jabatan Pelajaran Sabah, Puan Normah Gagoh meyatakan bahawa tahap stres dalam kalangan guru di negeri Sabah semakin menjadi-jadi dan membimbangkan ekoran bebanan tugas yang meningkat dan ada yang sampai tahap hendak membunuh diri. Terdapat 12 orang guru yang mengalami stres telah diberi bimbingan dan kaunseling, sementara 13 orang lagi akan diberi kaunseling (Guru di Sabah mengalami stres semakin tinggi, 2007).

Menurut dapatan jumlah guru yang menghidap penyakit serius akibat stres semakin meningkat. Statistik setiap tahun yang mana pada tahun 2007 saja 125 guru menghidap pelbagai penyakit serius antaranya penyakit jantung, tekanan darah tinggi serta kanser dengan nilai tuntutan insurans RM5.2 juta. Sehingga Jun tahun

2008 saja, 38 kes guru menghidap penyakit serius akibat stres direkodkan membabitkan nilai tuntutan insurans RM2.1 juta. Statistik ini amat membimbangkan. Berbanding pada 2006, 106 kes guru menghidap penyakit dengan tuntutan insurans RM4.7 juta (Maklin Masiau, 2008).

Menurut bekas Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, guru di Selangor, Johor, Melaka dan Kuala Lumpur telah dikategorikan sebagai "guru terbeban" memandangkan mereka terpaksa mengambil masa 74 jam seminggu untuk menjalankan tugas termasuk 50.4 jam atau 68 peratus berkaitan kurikulum. Beliau juga berkata bahawa guru secara purata dibebankan dengan tugas mengisi 108 jenis borang yang tidak berkaitan dengan tugas dan mengambil masa 38 hari setahun untuk menghadiri kursus dan latihan (Rozmal bin Malakan, 2005).

Setiausaha NUTP turut mendakwa bahawa ramai guru di Malaysia kini menghidap penyakit barah payu dara, darah tinggi, penyakit jantung malah mendapat rawatan psikiatri kerana semakin stres akibat bebanan tugas yang semakin meningkat. Setiap tahun sebanyak RM 2 juta tuntutan insurans telah dibuat oleh hampir 50 guru dengan nilai dari RM 44 000 hingga RM 120 000 (Loke Yim Pheng, 2006).

Stres guru telah mengakibatkan kesan negatif kepada kualiti pengajaran, hubungan guru dengan murid dan rakan sebaya serta mengganggu kehidupan peribadi guru. Dengan beban tugas yang semakin meningkat serta harapan yang semakin tinggi yang diletakkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia serta masyarakat terhadap guru, maka, guru di Sekolah Jenis Kebangsaan (c) juga tidak terkecuali daripada mengalami stres kerja dalam pelaksanaan tugas harian mereka.

Maka, adalah dirasakan perlu untuk melihat secara keseluruhan sejauh manakah tahap stres yang dialami oleh guru SJK (C) di sekitar bandaraya Kota Kinabalu ini. Adakah ia telah berada pada tahap yang membimbangkan atau baru di

tahap yang rendah ? Juga faktor yang menjadi faktor kepada stres yang dialami oleh guru ketika bertugas. Semoga segala persoalan ini dapat dicari jawapan dalam kajian ini dan diharapkan dapat menggambarkan keadaan sebenarnya alam pekerjaan yang dialami oleh guru.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik tahap stres guru dan faktor sekolah (faktor murid, beban tugas dan kekangan masa serta suasana sekolah) yang menyebabkan stres ke atas guru. Di samping itu pengkaji juga ingin melihat faktor jantina, umur, dan pengalaman mengajar merupakan variabel yang membezakan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:-

1. Mengetahui faktor utama stres dalam kalangan guru SJK (C) di Kota Kinabalu.
2. Mengetahui tahap stres dalam kalangan guru SJK (C) di Kota Kinabalu.
3. Mengetahui perbezaan stres guru mengikut jantina, umur dan pengalaman mengajar.

1.5 Soalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

1. Adakah faktor utama stres dalam kalangan guru SJK (C) di Kota Kinabalu ?
2. Adakah tahap stres dalam kalangan guru SJK (C) di Kota Kinabalu ?
3. Adakah terdapat perbezaan stres guru mengikut jantina ?
4. Adakah terdapat perbezaan stres guru mengikut umur?
5. Adakah terdapat perbezaan stres guru mengikut pengalaman mengajar ?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan stres guru mengikut jantina.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan stres guru mengikut umur.

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan stres guru mengikut pengalaman mengajar.

1.7 Batasan Kajian

Tumpuan kajian ini hanya kepada beberapa faktor sekolah yang menyebabkan guru rasa stres dalam menjalankan tugas mereka. Faktor yang dilihat ialah faktor murid, beban kerja dan kekangan masa, serta suasana sekolah. Faktor lain yang mungkin dapat menyebabkan stres kepada guru tidak ditinjau dalam kajian ini. Kajian ini juga tidak mengambil kira faktor luar sekolah yang mungkin mempengaruhi guru.

Oleh kerana kajian ini tidak mengambil kira faktor luar sekolah, yang mungkin berbeza antara kawasan, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada guru sekolah rendah di kawasan lain di negara ini.

1.8 Definisi Operasional

Di dalam bahagian ini akan diperjelaskan beberapa istilah dan konsep yang menjadi asas yang menyokong tema kajian yang diusahakan. Definisi istilah-istilah dan konsep-konsep yang diterangkan dalam bahagian ini merupakan istilah-istilah dan konsep-konsep yang bersesuaian dengan konteks kajian ini sahaja.

1.8.1 Stres

Dalam kajian ini stres dilihat dari segi gangguan mental dan fizikal yang dialami oleh guru akibat dari kesan beberapa faktor yang mempengaruhi pemikiran dan perasaan guru. Kesan ini akan mewujudkan keadaan tidak selesa yang seterusnya menimbulkan perasaan dan tindakan negatif seperti marah, kecewa, bimbang, cepat bosan, rasa stres, tegang, penat dan sakit.

1.8.2 Guru

Guru merupakan golongan pendidik bangsa cina yang terlibat secara langsung dalam pengajaran atau boleh bertutur dalam bahasa cina . Mereka yang berkenaan mempunyai kelayakan akademik yang berbeza sama ada berijazah atau bukan berijazah yang sedang berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) yang menyediakan pendidikan bagi murid-murid bermula dari Tahun 1 hingga 6 (berumur di antara 6-12 tahun) yang bahasa pengantarnya adalah Bahasa Cina .

1.8.3 Faktor Stres Kerja Guru

Merujuk kepada faktor yang menimbulkan stres kerja kepada guru. Dalam kajian ini, empat faktor telah dilibatkan iaitu faktor murid, faktor beban tugas, faktor kekangan masa dan sumber, serta suasana sekolah.

a. Faktor Murid

Faktor murid yang dimaksudkan di sini berkaitan dengan masalah disiplin pelajar (pelajar yang bising, kurang sopan atau biadab dan pelajar yang bersikap negatif terhadap pengajaran dan tugas yang diberikan oleh guru) dan pengurusan bilik darjah (kesukaran mengawal atau mengurus sesuatu kelas, mengekalkan disiplin bilik darjah dan menguruskan kelas yang bersaiz besar).

b. Beban Tugas

Beban tugas dalam konteks ini merujuk kepada tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh guru seperti membuat persediaan mengajar, menyemak kerja bertulis pelajar, mengisi borang, mengutip yuran, mengemaskini kedatangan pelajar, menyediakan laporan prestasi, menyediakan soalan ujian dan peperiksaan, mengurus hal ehwal kebajikan pelajar, memberi bimbingan dan kaunseling dan lain-lain lagi bagi memajukan pelajarannya.

c. Kekangan Masa Dan Sumber

Kekangan masa dan sumber berkaitan dengan tekanan masa (kekurangan masa untuk memberi tumpuan kepada pelajar secara individu, terlalu banyak kerja penyemakan, persediaan mengajar dan kerja pentadbiran) dan kekurangan sumber pengajaran (kekurangan atau ketiadaan peralatan dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran, keadaan bilik guru serta tuntutan sukatan pelajaran).

d. Suasana Sekolah

Ia merujuk kepada apa yang dirasa oleh guru hasil dari suasana "interpesonal" khasnya penghargaan kepada guru, hubungan antara orang perseorangan iaitu antara guru dan guru, guru dan pengetua, guru dan pengawai Jabatan atau Kementerian Pelajaran serta hubungan antara guru dan ibu bapa atau waris pelajar.

1.8.4 Faktor Demografi

Faktor demografi dalam kajian ini merupakan variebel kawalan yang terdiri daripada jantina, umur, dan pengalaman mengajar.